

10 FEB 1998

PERUTUSAN TAHNIAH UNTUK IRAN

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Iran Seyed Mohammad Khatami sempena hari kebangsaan ke-19 negara itu hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan tahniahnya kepada Khatami berkata beliau gembira dengan hubungan baik yang berterusan antara Malaysia dan Iran.

"Saya mahu menegaskan sekali lagi komitmen kami untuk memberikan kerjasama dalam pelaksanaan usaha-usaha bersama," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Wisma Putra.

Dalam perutusan tahniah kepada rakan sejawatannya Kamal Kharrazi, Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau yakin bahawa hubungan erat dan kerjasama yang wujud antara kedua-dua negara akan diteruskan pada tahun-tahun mendatang demi faedah bersama. -- BERNAMA

HAK RON